

Kerajaan arah tanam pokok asli

BH 9 MAY 1985

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan telah mengarahkan pihak berkuasa tempatan supaya memperuntukkan kawasan khas di setiap bandar untuk ditanam tumbuhan-tumbuhan yang mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu penting kerana pokok-pokok itu kini mulai pupus kerana proses

perbandaran yang begitu pesat.

"Jenis tumbuh-tumbuhan yang berguna dan ditanam oleh masyarakat dahulu perlu dikekalkan supaya ia tidak terus pupus," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Muzium Kraf Antarabangsa dan Taman Karyaneka di Jalan Raja Chulan di sini hari ini.

Dengan cara itu, katanya, seni kampung masyarakat

di Malaysia yang banyak menggunakan bahan-bahan daripada pokok-pokok lama dapat dikekalkan.

Katanya, apa yang wujud sekarang, terutama di bandar-bandar ialah bangunan-bangunan pencakar langit atau "hutan konkrit" yang tidak mempunyai keperibadian.

Beliau berkata, rakyat perlu memperkayakan kebudayaan negara ini dan menentukan ada kawasan-

kawasan yang dapat membawa suasana dingin dan lembut untuk masyarakat bandar menghilangkan kebosanan selepas bekerja seharian.

Oleh itu, katanya, kerajaan menyerahkan kawasan kira-kira setengah hektar kepada Perbadanan Kemaajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) untuk mengadakan pameran-pameran yang berunsur kebudayaan seperti pertunjukan pentas.

Di samping mengekalkan hasil-hasil tradisional, taman karyaneka itu juga dapat membantu mengurangkan tekanan jiwa masyarakat kota yang sibuk, tambahnya.

"Ini juga akan memberi daya penarik kepada pelancong dan penduduk tempatan untuk berhibur, disamping membeli barang-barang yang dipamerkan.

"Oleh itu kawasan ini perlu dikekalkan walaupun ada pihak menganggap langkah itu membazirkan tanah di kota," tambahnya.

Perdana Menteri juga menggesa pengusaha-pengusaha kraftangan supaya mengadakan jadual kerja yang tersusun bagi mengembang dan memajukan industri kraftangan di negara ini.

"Kita memang mempunyai kebolehan tetapi cara kita mengusahakan kraftangan itu belum begitu tersusun," tambahnya.

Menurutnya, perusahaan kraftangan tidak seharusnya diusahakan secara dengan sambil lewa jika ia hendak dikembangkan.

Corak dan reka bentuk tempatan perlu dikekalkan jika kraftangan negara ini hendak mendapat pasaran.